

KEPENTINGAN MODAL SOSIAL DALAM PERTUMBUHAN EKONOMI

ABU SUFIAN ABU BAKAR

ANIZAH MD. ALI

Fakulti Ekonomi

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Modal sosial merupakan salah satu daripada bentuk modal, sama seperti modal fizikal, modal pengeluaran ekonomi dan juga modal manusia yang mempunyai peranan tersendiri dalam menyumbang kepada pertumbuhan dan kesejahteraan masyarakat sebuah negara. Modal fizikal merupakan input pengeluaran yang digabungkan dengan input buruh bagi menghasilkan output. Pelaburan ke atas modal manusia dilihat sebagai salah satu sumber yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sesebuah negara. Modal sosial kini dilihat sebagai satu daripada sumber baru yang secara tidak langsung menyumbang kepada pertumbuhan sesebuah negara. Namun, kajian terhadap sumbangan modal sosial ini masih baru, dan definisi tentang maksud modal sosial ini juga adalah pelbagai. Pengukuran modal sosial memerlukan kepada pemerhatian fungsi sebuah masyarakat, dan bagaimana jaringan antara individu dalam sebuah masyarakat menyumbang kepada pertumbuhan positif kepada individu, kumpulan kaum dan juga masyarakat keseluruhan. Pemahaman ini akan memberikan satu gambaran bagaimana individu dalam sebuah masyarakat itu bekerjasama mencapai matlamat bersama untuk membina sesebuah negara yang makmur. Artikel ini cuba memaparkan peranan yang dimainkan oleh modal sosial dalam membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Petunjuk Indeks Pembangunan Insan (HDI) yang diguna pakai oleh Bank Dunia akan dijadikan sebagai asas untuk melihat hubungan antara pertumbuhan ekonomi dan modal sosial. Hasil analisis regresi terhadap hubungan antara HDI dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita menunjukkan wujud hubungan positif yang signifikan.

Kata kunci: modal sosial, modal manusia, pertumbuhan ekonomi.

ABSTRACT

Social capital is just like one of the many forms of capital, such as physical capital, produced economic capital and human capital which has individual

role that contribute to the country's growth and prosperity. Physical capital is the combination of production input and labour input in order to produce output. Human capital investment is considered as one of the catalysts to the country's growth. Nowadays, social capital is an indirect new source that contribute to the country's growth. Nevertheless, the study on contribution of social capital is still new and has various definitions. The measurement of social capital needs insight on social functioning, and the network and link between individuals in a community. All these insights can be utilised to contribute positive outcomes for the individual, ethnic group and community alike. This understanding can provide a picture of how individuals in a community cooperate in achieving mutual goals for building a prosperous country. This article looks at the role of social capital in assisting a country's economic growth. The Human Development Index (HDI) which is utilised by the World Bank will be used depict the relationship between economic growth and social capital. The regression analysis outcome on the relationship between HDI and Gross Domestic Product (GDP) shows a positive and significant relationship.

Keywords: social capital, human capital, economic growth.

PENGENALAN

Kajian terkini yang melibatkan beberapa disiplin ilmu telah mendapati bahawa modal sosial merupakan faktor yang sangat penting dalam menerangkan kecekapan sesuatu institusi politik, serta pencapaian ekonomi sesebuah masyarakat. Mekanisme bagaimana nilai sivik sesebuah masyarakat dapat mempengaruhi kecekapan sosioekonomi dapat dilihat dalam beberapa sudut antaranya adalah tahap sebaran kepercayaan antara individu dalam sesebuah masyarakat. Faktor ini dikatakan dapat mengurangkan kos transaksi dalam pasaran ekonomi dan seterusnya dapat mengurangkan beban kerugian luput kerana peraturan yang dikuatkuasakan dapat berjalan dengan baik, tanpa perasaan curiga, telus serta mengurangkan penipuan (Putnam, 1993).

Modal sosial merupakan satu daripada jenis modal (modal semula jadi, modal keluaran ekonomi dan modal manusia) yang menyumbang kepada pertumbuhan serta peningkatan kebajikan sebuah masyarakat. Individu, kumpulan dan masyarakat boleh mendapatkan serta menggunakan modal sosial ini sama seperti modal yang lain. Ini bermakna interaksi penggunaan pelbagai jenis modal akan berlaku dan keberkesanan serta kecekapan daripada penggunaan modal ini bukan sahaja bergantung kepada modal dalam bentuk wang sahaja

tetapi yang lebih penting bagaimana masyarakat sesebuah ekonomi menggabungkan modal fizikal ini dengan modal sosial yang mereka miliki.

Modal sosial sangat berguna dalam menerangkan kenapa berlakunya perbezaan tahap pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dengan yang lain. Kami percaya bahawa perbezaan pertumbuhan ekonomi yang wujud dalam sesebuah negara di dunia ini bukan sahaja disebabkan perbezaan dari segi modal kewangan, modal fizikal, dan modal manusia semata-mata. Perbezaan ini mungkin boleh diterangkan secara lebih bermakna jika kita memahami bagaimana konsep modal sosial ini berperanan. Oleh itu artikel ini bertujuan untuk melihat hubungan pertumbuhan ekonomi dengan modal sosial yang berbeza antara negara di dunia ini. Ukuran modal manusia adalah luas dan kebanyakannya bersifat subjektif. Oleh kerana data yang sesuai untuk mewakili modal sosial adalah terbatas, maka kajian ini hanya terhad kepada data daripada Indeks Pembangunan Insan yang digunapakai oleh *World Bank*.

KONSEP DAN DEFINISI MODAL SOSIAL

Modal boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk iaitu, modal fizikal seperti bangunan, mesin dan aset-aset lain. Modal semula jadi pula adalah berupa udara bersih, air serta sumber alam yang terdapat di bumi. Sementara modal manusia pula adalah berupa pengetahuan, kemahiran serta tahap kecekapan yang dimiliki oleh seorang individu. Modal kewangan digunakan untuk membiayai projek pembangunan serta pelaburan. Modal budaya yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat pula adalah yang dapat meningkatkan tahap kerjasama, semangat berpasukan, bergotong-royong serta budaya yang benci kepada kezaliman, sifat malas, membazir dan sebagainya.

Modal sosial adalah satu bidang kajian ilmu yang baru diberi perhatian oleh para penyelidik. Kajian dalam bidang ini dipopularkan oleh Coleman (1988) dan Putnam (1993). Modal sosial merupakan satu bentuk jaringan, norma, persahabatan, nilai-nilai serta persetujuan tidak formal yang boleh meningkatkan kuantiti dan kualiti kerjasama sesebuah masyarakat.

Terdapat tiga komponen modal sosial yang utama iaitu, jaringan sosial, norma sosial dan peraturan sosial. Jaringan sosial adalah hubungan sesama individu yang boleh meningkatkan aliran maklumat bagi mencapai sesuatu yang baik, seperti hubungan kekeluargaan dan

semangat kejiranan. Norma sosial merupakan satu peraturan dan persefahaman yang diterima oleh sesebuah masyarakat yang dapat meningkatkan tahap kerjasama dan saling memahami sesama insan. Sementara peraturan sosial merupakan satu bentuk undang-undang yang dapat mengikat keharmonian sesebuah masyarakat bagi menyelesaikan sesuatu pertelingkahan.

Pelbagai definisi dibuat bagi menggambarkan modal sosial. Coleman (1988) menggambarkan modal sosial yang terdiri aspek struktur sosial, obligasi dan jangkaan, rangkaian maklumat dan set norma, dan keberkesanan hukuman yang membataskan atau menggalakkan gelagat yang baik. Putnam (1993) pula mentakrifkan modal sosial dengan merujuk kepada sifat organisasi seperti kepercayaan, norma dan jaringan yang dapat meningkatkan kecekapan dalam masyarakat dengan memudahkan tindakan kerjasama. *World Health Organisation* (1998) melihat konsep modal sosial sebagai menggambarkan darjah pautan sosial yang wujud dalam masyarakat. Ia merujuk kepada proses antara masyarakat untuk membentuk jaringan, norma, kepercayaan sosial dan memudahkan koordinasi dan kerjasama untuk faedah bersama. *World Bank* (2003), mentakrifkan modal sosial sebagai institusi, hubungan dan norma yang membentuk kualiti dan kuantiti interaksi sosial masyarakat. Modal sosial adalah hubungan eksplisit. Ianya tidak dapat dijanakan melalui tindakan individu secara berasingan dalam sesebuah masyarakat. Malah modal sosial merujuk kepada nilai kerjasama aktiviti sosial. *OECD* (2001), mentakrifkan modal sosial sebagai jaringan bersama norma, nilai dan pemahaman yang memudahkan kerjasama dengan atau antara kumpulan yang lain. Black dan Hughes (2001) mentakrifkan modal sosial adalah corak dan kualiti hubungan dalam masyarakat.

Terdapat tiga bentuk modal sosial yang utama iaitu, pertama modal sosial yang berbentuk ikatan (*bonding*) persahabatan antara ahli keluarga atau kumpulan etnik yang sama. Kedua, modal sosial jalinan atau ikatan (*bridging*) antara pelbagai kumpulan etnik berlainan. Ketiga, modal sosial yang berupa pautan (*linking*) antara pelbagai kelas kumpulan sosial masyarakat seperti majikan dengan pekerja, kerajaan dengan rakyat serta golongan kaya dengan golongan miskin. Malah ia mencakupi konsep yang lebih kompleks kerana melibatkan jaringan khusus terhadap penduduk dalam pelbagai kumpulan iaitu hubungan kumpulan masyarakat yang berbeza tahap dan lapisan yang boleh merangsang sumber seperti kuasa dan kekayaan (Lyberaki & Paraskevopoulos, 2002). Modal sosial bukan merupakan barangan eksklusif yang menjadi hak kepada seseorang individu. Sebaliknya modal sosial merupakan barangan yang perlu dikongsi bersama oleh ahli dalam sesebuah masyarakat, oleh itu ia bersifat barangan awam.

Modal sosial boleh beroperasi dalam pelbagai rangkaian, antaranya aliran maklumat yang dapat meningkatkan kefahaman ahli masyarakat tentang sesuatu pekerjaan, peluang-peluang perniagaan serta pertukaran idea. Sementara itu rangkaian jaringan norma (saling membantu) bergantung kepada jaringan sosial, seperti jaringan *bonding* yang menghubungkan generasi muda dalam kumpulan yang sama serta jaringan *bridging* yang menghubungkan individu dari kumpulan yang berbeza. Selain itu, tindakan bersama juga bergantung kepada jaringan sosial misalnya, pertubuhan yang memainkan peranan pergerakan sivik yang betul, tindakan bersama boleh membentuk jaringan yang baru. Identiti dan ketaatan yang luas digalakkan oleh jaringan sosial yang menterjemahkan 'pemikiran aku' kepada 'pemikiran kita' (Putman, 2001).

Modal sosial merupakan satu bidang yang universal kerana ia boleh dikaitkan dengan pelbagai aspek misalnya kesihatan, pertumbuhan ekonomi, integrasi kawasan dan globalisasi. Modal sosial merupakan suatu yang abstrak. Oleh itu pengukuran yang tepat mungkin sukar diperoleh. Pengukuran modal sosial boleh meningkatkan pemahaman mengenai fungsi sosial dan bagaimana jaringan dan rantaian digunakan untuk menyumbang kepada dapatan positif kepada individu, kumpulan dan masyarakat.

Kajian berbentuk kualitatif misalnya telah dilakukan oleh Knack dan Keefer (1997), mengukur modal sosial menggunakan proksi seperti kepercayaan dan norma sivik yang diperoleh daripada *World Values Survey* berdasarkan sampel daripada 29 pasaran ekonomi sebagai ukuran kekuatan ikatan sivik.

PERTUMBUHAN EKONOMI DAN MODAL SOSIAL

Modal sosial boleh diukur dengan menggunakan pelbagai petunjuk. Namun begitu, ukuran yang digunakan lebih bersifat subjektif. Umpamanya, seperti ukuran tahap kepercayaan antara individu, penglibatan ahli masyarakat dalam sesuatu pertubuhan atau organisasi, semangat sukarela, tahap kejadian jenayah dan penipuan serta penglibatan dalam aktiviti sosial yang tidak formal. Kebanyakan data bagi ukuran ini sukar diperoleh kerana ia perlu melalui pengumpulan daripada data primer.

Modal sosial boleh menyumbang kepada banyak faedah dari segi ekonomi serta sosial seperti pertumbuhan KDNK yang tinggi, pasaran buruh yang lebih cekap, tahap penyertaan dalam pendidikan yang tinggi, kejadian jenayah yang kurang, serta institusi kerajaan yang

cepat. Modal sosial, seperti modal yang lain berupaya menyumbang kepada kebaikan serta meningkatkan kebajikan sesebuah masyarakat. Sumber modal merupakan faktor penting dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Selain modal fizikal dan kewangan, modal sosial merupakan satu input yang amat penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan. Banyak kajian telah dilakukan bagi mengaitkan modal sosial dan pertumbuhan ekonomi serta kepentingan modal tersebut (Helliwell, 1996). Mekanisme pengaruh nilai sivik dalam pencapaian ekonomi adalah pelbagai di mana ia bersifat meluaskan tahap kepercayaan yang wujud dalam masyarakat, mengurangkan kos transaksi dalam pasaran ekonomi, meminimumkan bebanan *deadweight* terhadap perjanjian desakan dan dasar, dan mengurangkan *diseconomy* terhadap kekecohan dan kecurian (Putnam, 1993; Fukuyama, 1995; Coleman, 1990). Ringkasnya, kepercayaan yang wujud dalam masyarakat akan memudahkan aktiviti ekonomi dan perhubungan sosial.

Peranan modal sosial boleh bersifat positif iaitu memudahkan dan negatif iaitu menghalang pembaharuan ekonomi. Menurut Fukuyama (1995), dasar industri dan kemahiran yang dijalankan oleh sesebuah kerajaan bergantung kepada faktor modal sosial. Produktiviti bergantung kepada sumber swasta dan kerjasama antara pelbagai kumpulan etnik. Manakala kerjasama pula bergantung kepada agihan pendapatan antara kumpulan. Sekiranya pembaharuan ekonomi dapat meningkatkan peruntukan sumber swasta, tetapi agihan pendapatan yang kurang memuaskan antara kumpulan, akan merendahkan darjah kerjasama antara kumpulan dan seterusnya kebajikan sosial masyarakat akan berkurang. Ekoran itu, preskripsi piawai dalam pembaharuan dagangan dan cukai mungkin tidak optimum dan membawa kesan buruk kepada etnik yang berbeza.

Bagi menghuraikan perkaitan antara penjana pertumbuhan ekonomi dan modal sosial, ahli pemikir telah menggariskan empat laluan jaringan. Pertama, meningkatkan tahap kepercayaan sosial dan mengukuhkan hubungan tradisi boleh mengurangkan kos transaksi (Fukuyama, 1995). Kedua, penyediaan sumber sokongan kepada ahli ketika bermasalah, jaringan sosial menyebarkan risiko dan membenarkan keseluruhan kumpulan terlibat dalam inovasi dan pengambilan risiko pada tahap yang tinggi. Ketiga, jaringan sosial memudahkan penyebaran maklumat yang lebih cepat di kalangan ahli dan mengurangkan ketidakseimbangan maklumat yang tidak menggalakkan transaksi yang menguntungkan. Keempat, jaringan sosial membolehkan ahli menyelesaikan masalah secara kolektif lebih mudah dengan kerosakan dan *free riding* yang kecil.

Analisis pencapaian ekonomi telah dijalankan oleh Coleman (1988) dengan mengkaji kadar keciciran di sekolah tinggi di Amerika Syarikat. Dapatan kajian mendapati pelajar yang disokong oleh jaringan sosial kurang meninggalkan sekolah sebelum tamat pengajian. Menurut Knack and Keefer (1997), kenyataan bahawa kepercayaan, norma sivik dan faktor lain dalam modal sosial merupakan syarat utama pembangunan ekonomi telah mendapat perhatian pada peringkat makro. Kajian oleh La Porta *et al.* (1997), dalam analisis rentas-negara menunjukkan modal sosial penting dalam pencapaian ekonomi. Sementara itu kajian oleh Temple (1999) mendapati negara sedang membangun secara relatifnya mempunyai modal sosial yang rendah disertai dengan keadaan politik yang lemah, pelaburan dan pertumbuhan yang rendah. Bagi dua negara yang mempunyai pendapatan yang sama, tetapi salah sebuah negara mempunyai modal sosial yang tinggi (iaitu tahap pendidikan baik, sistem kewangan yang cekap, dasar fiskal yang baik dan jaringan telefon yang meluas) tahap pertumbuhan ekonomi antara kedua-duanya boleh berbeza.

Narayan dan Pritchett (1999), yang mengkaji modal sosial di luar perkampungan Tanzania mendapati bahawa satu peningkatan lencongan piawai dalam modal sosial menyamai 20–30% peningkatan dalam pendapatan purata isi rumah. Sementara itu Lam (1996), menegaskan bahawa hubungan rapat antara agensi awam dan kesatuan perkampungan tempatan di luar bandar Taiwan menciptakan jaringan pengairan yang cekap dan baik. Ia terhasil daripada tindakan kolektif antara petani tempatan.

Helliwell dan Putnam (1995), mengkaji hubungan antara nilai sivik dan pencapaian politik-ekonomi di Itali. Beliau berpendapat bahawa pembangunan ekonomi di wilayah Itali pada kurun ke-19 dapat dijelaskan dengan lebih baik oleh keadaan sivik berbanding tingkat ekonomi pada tempoh tersebut. Dapatan beliau ini mendapat banyak kritikan terutama daripada pelajar politik Itali yang menegaskan bahawa pencapaian ekonomi yang dikecapi oleh negara Itali adalah hasil daripada sistem kapitalis yang dinamik dan bukannya nilai sivik (Whitely, 1997).

Whitely (1997) melakukan kajian untuk melihat hubungan antara modal sosial dan pertumbuhan ekonomi dengan menggunakan data daripada sampel 34 buah negara berdasarkan kepada kerangka teori pertumbuhan neo-klasik. Hasil kajian beliau mendapati bahawa modal sosial mempunyai kesan yang sangat kuat kepada pertumbuhan ekonomi. Beliau juga menegaskan bahawa pengaruh modal sosial

kepada pertumbuhan ekonomi adalah sama penting dengan kesan modal manusia serta tahap pendidikan.

Signifikan modal sosial kepada pembangunan ekonomi (Whiteley, 1997) boleh dipertingkatkan dengan meningkatkan jaringan kapitalis, merujuk kepada kecenderungan firma yang bebas untuk membina kerjasama yang rapat dan berpanjangan antara mereka dengan pihak awam dan swasta. Jaringan bertindak balas kepada masalah dan saiz skala. Firma yang besar menikmati skala ekonomi dan mengurangkan kos transaksi melalui integrasi menegak. Saiz yang besar ini boleh menghalang fleksibiliti, khususnya ketika situasi perubahan yang cepat dalam pasaran. Firma kecil boleh bertindak balas terhadap perubahan yang lebih cepat tetapi melepaskan skala ekonomi.

Dilema ini boleh ditentukan melalui pembinaan jaringan yang tidak formal tetapi rapat antara firma kecil dan sederhana. Pembahagian milikan dan pembuatan keputusan membolehkan fleksibiliti dan mengurangkan masa tindakan. Malah, jaringan keseluruhannya membolehkan individu menyebarkan risiko dan mencipta potensi kepada skala ekonomi.

Modal sosial, seperti yang dijelaskan merupakan satu konsep yang terbina dalam sebuah masyarakat secara kitaran. Ini bermakna hubungan modal sosial dengan modal manusia sangat penting diperhatikan. Bermula dengan pertumbuhan ekonomi, maka kita dapat mengukur pencapaian seseorang individu daripada pendapatan per kapita yang dihasilkan oleh sebuah ekonomi. Peningkatan dalam pendapatan per kapita ini mencerminkan peningkatan produktiviti. Oleh kerana dalam ekonomi terdapat dua sumber input utama iaitu modal dan buruh, maka modal yang baik tidak akan dapat dibentuk tanpa adanya lebihan dalam pendapatan negara untuk dilaburkan semula bagi meningkatkan stok modal serta menggantikan modal yang telah susut. Modal ini kemudian akan digunakan untuk menghasilkan barangan modal lain yang lebih moden dan canggih bagi mewujudkan satu proses pengeluaran yang lebih cekap dan berkesan. Barangan modal ini hanya boleh dihasilkan oleh pakar yang berpengetahuan dengan ilmu sains dan teknologi menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Bagi melahirkan ahli ilmunan sains dan teknologi ini, sistem pendidikan yang berkesan serta peruntukan dan pelaburan yang banyak secara berterusan (atau sering dirujuk sebagai modal manusia) diperlukan. Budaya ilmunan ini hanya boleh dibentuk oleh masyarakat yang mempunyai kefahaman tentang kepentingan ilmu. Budaya dan nilai ini akhirnya akan membentuk modal sosial di kalangan masyarakat

sesebuah negara. Seterusnya ia dapat menggambarkan tahap kesedaran sosial yang tinggi, tahap kesihatan yang baik, jangka hayat yang panjang, sistem pendidikan yang berkesan, jurang pendapatan dan kemiskinan yang rendah serta kesedaran politik yang tinggi.

PENGUKURAN INDEKS PEMBANGUNAN INSAN (*Human Development Index-HDI*)

Indeks Pembangunan Insan (*UNDP, 2003*) merupakan petunjuk yang diukur daripada beberapa data yang berbeza di mana ia merupakan ukur purata pencapaian sesebuah negara dalam tiga dimensi utama pembangunan insan iaitu;

1. Jangka hayat dan kesihatan: diukur berdasarkan jangkaan hayat atau selepas kelahiran.
2. Pengetahuan: diukur berdasarkan kadar celik huruf (dengan dua pertiga pemberat) dan kadar kemasukan kasar peringkat rendah, menengah dan tinggi (dengan satu pertiga pemberat).
3. Pencapaian taraf hidup: diukur berdasarkan KDNK per kapita.

Pengukuran indeks jangkaan hayat berdasarkan persamaan (1) berikut:

$$\text{Indeks Jangka Hayat} = \frac{NJH_{\text{sebenar}} - NJH_{\text{min}}}{NJH_{\text{mak}} - NJH_{\text{min}}} \quad (1)$$

di mana,

NJH_{sebenar}	= Nilai jangka hayat sebenar
NJH_{min}	= Nilai jangka hayat minimum
NJH_{mak}	= Nilai jangka hayat maksimum

Bagi mendapatkan nilai Indeks Pengetahuan, pertama perlu dikira indeks kadar celik huruf golongan dewasa serta gabungan kadar kemasukan ke sekolah rendah, menengah dan tinggi. Kemudian kedua-dua nilai ini akan digabungkan bagi mengira indeks pengetahuan seperti ditunjukkan dalam persamaan (4).

$$\text{Kadar celik huruf} = \frac{NCH_{\text{sebenar}} - NCH_{\text{min}}}{NCH_{\text{mak}} - NCH_{\text{min}}} \quad (2)$$

di mana,

NCH_{sebenar}	= Nilai celik huruf sebenar
NCH_{min}	= Nilai celik huruf minimum
NCH_{mak}	= Nilai celik huruf maksimum

$$\text{Indeks kemasukan} = \frac{NE_{\text{mak}} - NE_{\text{min}}}{NE_{\text{mak}} - NE_{\text{min}}} \quad (3)$$

di mana, NE_{sebenar} = Nilai kemasukan sebenar
 NE_{min} = Nilai kemasukan minimum
 NE_{mak} = Nilai kemasukan maksimum

Kedua-dua nilai dalam persamaan (2) dan persamaan (3) ini dicampur bagi membentuk indeks pengetahuan.

$$\text{Indeks Pengetahuan} = \frac{2}{3} (\text{indeks celik huruf}) + \frac{1}{3} (\text{indeks kemasukan}) \quad (4)$$

Pengukuran indeks KDNK per kapita, dikira berpandukan kepada pelarasan terhadap perubahan tingkat harga (Pariti Kuasa Beli) ke atas KDNK per kapita. Nilai ini kemudian dikira dengan mengambil nilai log.

$$\text{Indeks KDNK per kapita} = \frac{\text{Log KDNK}_{\text{pksebenar}} - \text{Log}_{\text{pk min}}}{\text{Log KDNK}_{\text{pksebenar}} - \text{Log}_{\text{pk min}}} \quad (5)$$

di mana, $\text{Log KDNK}_{\text{pksebenar}}$ = Log (KDNK per kapita sebenar)
 $\text{Log KDNK}_{\text{pk min}}$ = Log (KDNK per kapita minimum)
 $\text{Log KDNK}_{\text{pk mak}}$ = Log (KDNK per kapita maksimum)

Ketiga-tiga indeks dalam persamaan (1), (4) dan (5) ini dicampur bagi mendapatkan ukuran HDI.

$$\text{HDI} = \frac{1}{3} (\text{indeks jangkaan hayat}) + \frac{1}{3} (\text{indeks pengetahuan}) + \frac{1}{3} (\text{indeks KDNK}) \quad (6)$$

ANALISIS PERBANDINGAN HDI DAN PENDAPATAN

Nilai ukuran HDI ini dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah. Perbandingan dengan beberapa negara terpilih dibuat bagi melihat perbezaan antara pertumbuhan dan pembangunan insan. Dapat diperhatikan bahawa negara yang mempunyai HDI yang paling tinggi adalah negara Norway (ranking pertama HDI 2003), dengan nilai menghampiri 1, iaitu 0.944. Dapatan yang agak menarik adalah perbandingan dengan Malaysia dan Korea Selatan. Kedua negara ini bermula dengan nilai kurang dari 0.7 pada tahun 1975, namun Korea Selatan sekarang telah memasuki golongan negara yang mempunyai HDI tertinggi (0.8 ke atas). Pada tahun 1975 perbezaan HDI antara

Malaysia dan Korea Selatan adalah sebanyak 0.075 mata, tetapi pada tahun 2001 perbezaan mata melebar kepada 0.089. Daripada peratusan pertumbuhan nilai HDI, Malaysia mempunyai kadar pertumbuhan 4.3% antara tahun 1975 hingga 1980, sementara Korea Selatan adalah 4.1% sahaja dalam tahun yang sama. Tetapi nilai pertumbuhan bagi Malaysia kurang dari 4% untuk tahun yang dikaji, sebaliknya bagi Korea Selatan ia melebihi 4% kecuali untuk tahun 1995 dan seterusnya. Matriks perbezaan HDI Malaysia berbanding negara yang dikaji ditunjukkan dalam Jadual 2. Secara keseluruhan HDI Malaysia masih berada di bawah dari 0.8.

Negara China kini dilihat sedang membina kekuatan sosioekonomi, dengan perbezaan mata sebanyak 0.095 dengan Malaysia pada tahun 1975, kini perbezaan tersebut berkurang kepada 0.069 pada tahun 2001. Namun begitu, pertumbuhan HDI bagi negara ini adalah tinggi, dan pernah mencapai 5.6% pertumbuhan di antara tahun 1990 hingga 1995.

Jadual 1
Indeks Pembangunan Insan dan Pertumbuhan:
Perbandingan Beberapa Negara Terpilih

Tahun	1975	1980	1985	1990	1995	2000	2001
Norway	0.859	0.877	0.888	0.901	0.925	0.942	0.944
% pertumbuhan		1.8	1.1	1.3	2.4	1.7	0.2
Amerika Syarikat	0.863	0.884	0.898	0.914	0.925	0.939	0.937
% pertumbuhan		2.1	1.4	1.6	1.1	1.4	-0.2
Jepun	0.854	0.878	0.909	0.923	0.933	0.932	
% pertumbuhan		2.4	1.5	1.6	1.4	1	-0.1
Singapura	0.722	0.755	0.782	0.818	0.857	0.885	0.884
% pertumbuhan		3.3	2.7	3.6	3.9	2.8	-0.1
Korea Selatan	0.691	0.732	0.774	0.815	0.852	0.882	0.879
% pertumbuhan		4.1	4.2	4.1	3.7	3	-0.3
Malaysia	0.616	0.659	0.693	0.722	0.782	0.790	
% pertumbuhan		4.3	3.4	2.9	3.8	2.2	0.8
Thailand	0.604	0.645	0.676	0.713	0.762	0.768	
% pertumbuhan		4.1	3.1	3.7	3.6	1.3	0.6
Filipina	0.652	0.684	0.688	0.716	0.754	0.751	
% pertumbuhan		3.2	0.4	2.8	1.7	2.1	-0.3
China	0.523	0.554	0.591	0.625	0.681	0.726	0.721
% pertumbuhan		3.1	3.7	3.4	5.6	4.5	-0.5
Indonesia	0.469	0.530	0.582	0.623	0.664	0.684	0.682
% pertumbuhan		6.1	5.2	4.1	4.1	2	-0.2

Sumber: UNDP, *Human Development Report*, 2001, 2002, 2003.

Singapura telah memasuki indeks HDI kumpulan teratas (0.8 dan ke atas) bermula dari akhir tahun 1989. Pada tahun 1975, perbezaan mata HDI antara Malaysia dan Singapura adalah sebanyak 0.106 mata, mengatasi Malaysia. Pada tahun 2001, jurang ini semakin mengecil kepada 0.094 mata. Sungguhpun pada awal tahun kajian sehingga 1985, kadar pertumbuhan HDI Singapura lebih kecil daripada Malaysia, namun ia telah mengatasi Malaysia untuk tahun 1995 dan 2000, sebelum mengalami pertumbuhan negatif pada tahun 2001.

Jadual 2
Matriks Perbezaan HDI Malaysia Berbanding Negara Lain

Negara	1975	1980	1985	1990	1995	2000	2001
Norway	-0.243	-0.218	-0.195	-0.179	-0.165	-0.16	-0.154
Amerika Syarikat	-0.247	-0.225	-0.205	-0.192	-0.165	-0.157	-0.147
Jepun	-0.238	-0.219	-0.2	-0.187	-0.163	-0.151	-0.142
Singapura	-0.106	-0.096	-0.089	-0.096	-0.097	-0.103	-0.094
Korea Selatan	-0.075	-0.073	-0.081	-0.093	-0.092	-0.1	-0.089
Thailand	0.012	0.014	0.017	0.009	0.011	0.020	0.022
Filipina	-0.036	-0.025	0.005	0.006	0.027	0.028	0.039
China	0.093	0.105	0.102	0.097	0.079	0.056	0.069
Indonesia	0.147	0.129	0.111	0.099	0.096	0.098	0.108

Sumber: Dikira daripada Jadual 1.

Analisis regresi dijalankan bagi melihat hubungan antara pertumbuhan KDNK per kapita dengan HDI. Dengan menggunakan data KDNK per kapita serta HDI bagi tahun dan negara yang dikaji, satu analisis panel data dibuat. Hasil regresi yang diperoleh mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara Log HDI dan Log KDNK per kapita, seperti ditunjukkan di bawah, nilai dalam kurungan adalah t-statistik.

$$\text{Log KDNK per kapita} = 10.407 + 5.7328 \text{ Log HDI} \\ (174.97) \quad (28.56)$$

$$R^2 = 0.908 \quad \text{durbin-watson} = 0.641 \quad F\text{-statistik} = 816.100$$

Hasil regresi ini menerangkan bahawa keanjalan antara HDI dan KDNK per kapita, iaitu 1% kenaikan dalam indeks HDI akan menyumbang kepada 5.73% kenaikan dalam KDNK per kapita. Kedua-dua pekali regresi adalah sangat signifikan yang ditunjukkan oleh nilai t-statistik yang tinggi serta kepadanan model yang juga tinggi ($R^2 =$

0.908). Namun begitu, model ini mempunyai masalah autokorelasi, keadaan ini biasa berlaku terutama bagi analisis data panel dan ia tidak menjejaskan model untuk menerangkan hubungan antara kedua pemboleh ubah.

IMPLIKASI DASAR DAN PERBINCANGAN

Pengukuran modal sosial dan hubungannya dengan pertumbuhan ekonomi tidak semudah yang dijangka. Ini kerana adalah sukar untuk mendapatkan data yang boleh mewakili modal sosial. Analisis yang dijalankan dengan menggunakan proksi indeks HDI sebagai ukuran modal sosial masih lemah dan masih tidak dapat menggambarkan keadaan sebenar modal sosial yang dimiliki oleh sesebuah negara. Indeks HDI yang dihitung, di dalamnya telah mengambil kira elemen seperti kandungan pengetahuan, keadaan kesihatan serta pendapatan. Jaringan modal sosial yang kuat adalah hasil daripada individu yang berpengetahuan serta tahap kesihatan yang baik, dan seterusnya dapat menjana pertumbuhan pendapatan. Jika data HDI boleh digunakan sebagai mewakili modal sosial, maka analisis yang dibuat menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara modal sosial dan pertumbuhan ekonomi.

Analisis yang dipaparkan ini menunjukkan bahawa daya saing sebuah negara bukan bergantung kepada pencapaian modal manusia semata-mata. Kunci kepada kemajuan dan daya tahan yang tinggi adalah lahir daripada individu manusia itu sendiri. Bagi melahirkan seorang insan yang berpengetahuan, ia memerlukan pelaburan yang sangat tinggi. Sumber manusia yang berpengetahuan akan melahirkan modal manusia yang berkualiti. Modal manusia yang berkualiti akan memastikan kelangsungan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Pertumbuhan yang tinggi akan meningkatkan pendapatan penduduk dan seterusnya taraf hidup; akhirnya menjamin keselamatan sosial masyarakat, meningkatkan tahap kesihatan, keharmonian serta kesejahteraan yang berterusan yang akan dapat melangsungkan pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, modal manusia yang tinggi bukanlah penentu kepada kesejahteraan sesebuah negara, jika individu yang berpengetahuan ini menjadi parasit akan membawa bencana kepada negara dan kekecohan serta mengancam kehidupan manusia keseluruhan. Keharmonian hidup bermasyarakat adalah inti kepada pembangunan yang mapan dan berterusan. Oleh itu pembentukan modal sosial adalah sangat penting dalam usaha mencapai kesejahteraan yang berkekalan.

Dapatan kajian ini cuba untuk menyokong kajian lepas yang telah dijalankan, dan ia terbukti bahawa modal sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih lanjut diperlukan terutamanya bagi mengumpul data-data yang berkaitan dengan modal sosial. Pengumpulan maklumat seperti ini telah lama dijalankan oleh pengkaji di negara maju, dan ia dapat dijadikan petunjuk yang sangat berguna kepada pembuat dasar. Kesedaran tentang konsep modal sosial dan bagaimana ia berperanan dalam pertumbuhan ekonomi adalah sangat penting, terutamanya kepada pembuat dasar bagi memastikan setiap dasar yang dilaksanakan tidak tersasar daripada landasan. Tambahan pula bagi negara seperti Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum, sudah tentu penggubalan dasar sosial akan menjadi isu yang penting dan sensitif. Namun begitu, dapatan kajian yang banyak dijalankan di negara maju telah membuktikan bahawa modal sosial dapat menjadi sumber baru kepada pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

KESIMPULAN

Hasil kajian lepas mendapati bahawa modal sosial ini penting dalam menerangkan perbezaan pertumbuhan ekonomi pelbagai negara. Gambaran secara keseluruhan daripada data sosioekonomi memperlihatkan bahawa negara yang maju akan mempunyai petunjuk sosial yang lebih baik. Kejayaan Jepun membina semula negara mereka selepas kekalahan dalam perang dunia kedua dikatakan mempunyai kaitan dengan nilai dan budaya masyarakat itu. Nilai dan budaya ini sebenarnya adalah apa yang terkandung dalam konsep modal sosial yang dibincangkan. Di Malaysia, konsep modal sosial ini sebenarnya telah wujud tetapi tafsiran terhadap makna ini tidak begitu jelas sebelum ini. Peristiwa hitam 13 Mei 1969 yang terjadi adalah kerana masyarakat dalam negara tidak mempercayai antara satu sama lain lantaran perasaan tidak puas hati yang menebal. Kejayaan negara dalam mengharungi saat getir ini adalah kerana kita secara tidak langsung telah menyusun satu dasar pembangunan yang sebenarnya membina modal sosial. Oleh itu, pembangunan negara seterusnya perlu dipandukan kepada pembentukan sebuah masyarakat yang harmoni, percaya-mempercayai, bekerjasama serta bertolak ansur sebagai asas dalam pembentukan dasar pembangunan negara seterusnya.

RUJUKAN

- Black, A., & Hughes, P. (2001). *The identification and analysis of indicators of community strength and outcomes*. Commonwealth Department of Family and Community Services.
- Coleman, J. (1988). Social capital in the creation of human capital. *American Journal of Sociology*, 94, Supplement S95-S120.
- Coleman, J. (1990). *Foundations of social theory*. Cambridge: Harvard University Press.
- Fukuyama, F. (1995). *Trust: The social virtues and the creation of prosperity*. New York: The Free Press.
- Helliwell, J.F. (1996). *Economic growth and social capital in Asia* (National Bureau of Economic Research Working Paper W5470). Cambridge, Mass.
- Helliwell, J.F., & Putman, R.D. (1995). Economic growth and social capital in Italy. *Eastern Economic Journal*, 12(3), 295-307.
- Knack, S., & Keefer, P. (1997). Does social capital have an economic payoff? A cross-country investigation. *Quarterly Journal of Economics*, 112(4), 1251-1288.
- La Porta R., Lopez-de-Silanes F., & Vishny, R.W. (1997). Trust in large organisations. *American Economic Review*, 87, 333-338.
- Lam, W.F. (1996). Institutional design of public agencies and co-production: A study of irrigation associations in Taiwan. *World Development*, 24.
- Lyberaki, A., & Paraskevopoulos, C. J. (2002). *Social capital measurement in Greece*. OECD-ONS International Conference on Social Capital Measurement London U.K., September 25-27, 2002.
- Narayan, D., & Pritchett, L. (1999). Cents and sociability: Household income and social capital in rural Tanzania. *Economic Development and Cultural Change*, 47, 871-889.
- OECD (Organisation for Economic Co-operation dan Development). (2001). *The Well-being of nations: The role of human and social capital*. Paris: Centre for Educational Research and Innovation.
- Putman, R.D. (1993). *Making democracy work: Civic traditions in moden Italy*. Princeton: Princeton University Press.
- Putman, R.D. (2001). *Bowling alone: The collapse and revival of American community*. Retrieved from Simon Schuster, New York web site: <http://.bowlingalone.com.sosialcapital.php3>
- Temple, J. (1999, March). The new growth evidence. *Journal of Economic Literature*, 37(1), 112-156.
- UNDP (United Nations Development Programme). (2001). *Human development report 2001*. New York: Oxford University Press.
- . (2002). *Human development report 2002: Deepening democracy in a fragmented world*. New York: Oxford University Press.

- . (2003). *Human development report 2003: Millennium development goals: A compact among nations to end human poverty*. New York: Oxford University Press.
- Whiteley, P. (1997). *Economic growth and social capital* (Policy Paper 6-1997. University of Sheffield). Retrieved from. <http://www.shef.ac.uk/uni/academic/N-Q/perc/Polpaps/pp6.html>
- World Bank Social Capital (2003). Retrieved from <http://www.worldbank.org/poverty>
- WHO (World Health Organisation). (1998). *Health promotion glossary* (Geneve). Retrieved from <http://www.who.int>